

## KEMPEN HULURKAN SALAM (KATEGORI REBAT EMAS)

### SOALAN LAZIM

**1. Apakah yang ditawarkan menerusi Kempen Hulurkan Salam (Kategori Rebat Emas)?**

Kempen ini menawarkan rebat iaitu pulangan tunai sebanyak 1% bagi setiap transaksi pembelian emas atau sebarang pembelian barangan lain (patuh Syariah) menggunakan Kad Kredit-i Bank Rakyat yang dilakukan di mana-mana kedai emas seluruh negara.

**2. Bilakah kempen ini akan berlangsung?**

1. Kempen ini akan berlangsung dari **1 Mac sehingga 30 April 2025** atau **sehingga had RM50,000** habis digunakan (tertakluk pada mana-mana yang selesai dahulu).

**3. Siapakah yang layak untuk menyertai kempen ini?**

Kempen ini terbuka kepada semua pemegang Kad Kredit-i Bank Rakyat (utama dan tambahan) termasuk warga kerja Bank Rakyat (selepas ini dirujuk sebagai Peserta) kecuali pemegang Kad Kredit-i Korporat.

**4. Bagaimanakah cara untuk menyertai kempen ini?**

Penyertaan adalah secara automatik untuk semua pemegang kad yang layak tertakluk pada Terma dan Syarat kempen ini. Tiada prapendaftaran menerusi borang penyertaan atau khidmat pesanan ringkas (SMS) diperlukan.

**5. Apakah jenis transaksi yang layak menyertai kempen in?**

Transaksi yang layak menerima pulangan tunai ini adalah daripada kategori kod *merchant* (MCC) seperti berikut:

- a) 5944 - Peniaga yang menjual jam dan jam tangan; logam berharga; barang kemas halus seperti berlian atau batu berharga lain yang dipasang pada logam berharga; dan perak sterling serta pinggan mangkuk dan aksesori bersalut, seperti pinggan, mangkuk sajian, trivet dan kendi. Peniaga sedemikian juga boleh menjalankan kerja pembaikan.

**6. Berapakah transaksi minimum yang diperlukan untuk layak menerima pulangan tunai?**

Tiada transaksi minimum diperlukan untuk layak menerima pulangan tunai.

**7. Bagaimanakah pulangan tunai 1% ini diterima?**

Pulangan tunai sebanyak 1% akan dikreditkan atas transaksi yang telah dibilkan sahaja. Amaun pulangan tunai akan dipaparkan pada penyata bulanan peserta.

**8. Di manakah maklumat berkaitan jumlah pulangan tunai yang diperoleh untuk bulan semasa boleh didapati?**

Keterangan bagi jumlah pulangan tunai yang diperoleh untuk bulan semasa boleh disemak menerusi penyata Kad Kredit-i pada bulan berikutnya.

**9. Adakah terdapat had bagi pulangan tunai yang boleh diperoleh?**

Tiada had ditetapkan bagi jumlah pulangan tunai yang boleh diperoleh setiap pemegang kad sepanjang tempoh kempen berlangsung.

**10. Adakah pulangan tunai 1% ini boleh dipindah milik?**

Pulangan tunai ini tidak boleh dipindah milik kepada akaun pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai atau barangan.

**11. Adakah pulangan tunai yang ditawarkan boleh ditukar kepada wang tunai atau barangan lain?**

Tidak boleh.

**12. Di manakah maklumat lanjut berkaitan kempen ini boleh didapati?**

Maklumat lanjut berhubung kempen ini boleh didapati di:

- a) Laman sesawang Bank Rakyat di [www.bankrakyat.com.my](http://www.bankrakyat.com.my)
- b) Perbankan Internet Bank Rakyat di [www.irakyat.com.my](http://www.irakyat.com.my)
- c) Pusat Panggilan: 1 300 80 5454
- d) Pusat Kad Bank Rakyat: 03-2693 6880
- e) Laman media sosial Bank Rakyat (Facebook, Instagram atau X)

Soalan lazim kempen ini adalah tertakluk pada terma dan syarat kempen, terma dan syarat Kad Kredit-i Bank Rakyat serta terma lain yang ditetapkan oleh Bank Rakyat dari semasa ke semasa.